

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 14 TAHUN 2002

SKIM PERKHIDMATAN PEMANDU LOKOMOTIF SABAH

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan mewujudkan skim perkhidmatan baru yang dikenali sebagai skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13, AA14, AA17/AA18, AA22, AA36 bagi kegunaan khusus di Jabatan Keretapi Negeri Sabah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

LATAR BELAKANG

2. Apabila Sistem Saran Baru dilaksanakan, skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Gred A17, A22, A36 telah diwujudkan bagi menggantikan skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11 dan A14 (jumud). Walau bagaimanapun, kajian semula ke atas fungsi-fungsi Perkhidmatan Keretapi Sabah mendapati skim perkhidmatan berkenaan tidak sesuai digunakan. Seterusnya, mengambil kira tahap perkhidmatan yang diperlukan dan juga teknologi yang sedia diguna pakai bagi mengendalikan perkhidmatan keretapi di Negeri Sabah, cadangan telah dikemukakan supaya satu skim perkhidmatan yang lebih sesuai diwujudkan.

SKIM PERKHIDMATAN BARU

3. Skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah AA13, AA14, AA17/AA18, AA22, AA36 diwujudkan khusus bagi Jabatan Keretapi Negeri Sabah secara menggabungkan skim perkhidmatan yang terdapat di jabatan itu iaitu Pemandu Lokomotif Gred A17, A22, A36 dan Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11, A14 (jumud). Secara khusus, Gred AA13 ialah gred lantikan melalui kaedah kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) bagi Pekerja Rendah Am Gred R1, R4 dan Pekerja Rendah Awam Khas Gred R3, R6 manakala Gred AA17 ialah gred lantikan bagi calon yang berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia. Gred AA14 dimasukkan bagi menampung anggota Gred A14 (jumud). Jadi Gred AA14 bukanlah gred kenaikan pangkat bagi anggota di Gred AA13. Setiap gred dalam skim perkhidmatan telah ditetapkan menggunakan kod AA bagi membezakannya dengan skim-skim perkhidmatan lain dalam klasifikasi Pengangkutan (A).

Teks skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah selengkapnya adalah seperti di **Lampiran A**.

PELAKSANAAN

4. Semua anggota yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif dan Pemandu Lokomotif Rendah adalah layak ditukar lantik ke perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah mengikut syarat-syarat yang ditetapkan seperti di **Lampiran B**.

OPSYEN

5. Pelaksanaan skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah dibuat melalui pemberian opsyen kepada Pemandu Lokomotif dan Pemandu Lokomotif Rendah. Opsyen akan ditawarkan oleh Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan berkenaan. Anggota yang bersetuju memilih opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah dan pemilihan yang dibuat adalah muktamad.

6. Anggota yang terlibat akan diberi tempoh 30 hari mulai tarikh yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Anggota yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat akan dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah dan kekal dalam perkhidmatan sekarang sehingga meninggalkan perkhidmatan.

7. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat dan peraturan pertukaran pelantikan dan borang pilihan sendiri adalah seperti di **Lampiran B1**.

KAEDAH PELARASAN GAJI

8. Kaedah pelarasan gaji anggota adalah seperti berikut:

- a) Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11 (jumud) diselaraskan kepada Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13. Anggota hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1), tetapi tidak kurang daripada satu pergerakan gaji biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang layak dibayar, maka gaji permulaan boleh ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;
- b) Pemandu Lokomotif Rendah Gred A14 (jumud) diselaraskan kepada Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA14. Gaji anggota diselaraskan kepada matagaji tertinggi berhampiran mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing dalam tanggagaji skim perkhidmatan baru sekiranya gaji dalam skim perkhidmatan lama adalah sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam skim perkhidmatan baru. Jika Peringkat gaji sedia ada tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan, maka gaji permulaan anggota

boleh ditetapkan di matagaji yang tertinggi berhampiran di Peringkat gaji berikutnya;

c) Pemandu Lokomotif Gred A17 diselaraskan kepada skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA17. Gaji anggota diselaraskan kepada matagaji tertinggi berhampiran mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing dalam tanggagaji skim perkhidmatan baru sekiranya gaji dalam skim perkhidmatan lama adalah sama atau lebih tinggi daripada gaji permulaan dalam skim perkhidmatan baru. Jika Peringkat gaji sedia ada tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan, maka gaji permulaan anggota boleh ditetapkan di matagaji yang tertinggi berhampiran di Peringkat gaji berikutnya; dan

d) anggota yang berada di matagaji maksimum dan mendapati gaji sekarang tidak dapat ditampung oleh mana-mana matagaji dalam skim perkhidmatan baru, maka sifir pemindahan gaji Khas Untuk Penyandang hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

TARIKH PERGERAKAN GAJI

9. Tarikh pergerakan gaji (TPG) asal bagi anggota yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pelarasan gaji.

KAEDAH PELAKSANAAN PERGERAKAN GAJI TAHUN 2003

Pergerakan Gaji Lama Sama Dengan Tarikh Kuat Kuasa

10. Pemandu Lokomotif Rendah yang mana TPG asalnya sama dengan tarikh kuat kuasa urusan ini hendaklah terlebih dahulu diberi pelarasan gaji kepada skim

perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah mengikut kaedah pelarasan gaji seperti yang dinyatakan di perenggan 8(a) dan (b). Apabila keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) tahun 2003 diumumkan, anggota berkenaan diberi Pergerakan Gaji Biasa pada 1 Januari 2003. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran C1**.

11. Pemandu Lokomotif yang mana TPG asalnya sama dengan tarikh kuat kuasa urusan ini hendaklah terlebih dahulu diberi pelarasan gaji kepada skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah mengikut kaedah pelarasan gaji seperti yang dinyatakan di perenggan 8(c). Apabila keputusan PPSM tahun 2003 diumumkan, anggota berkenaan diberi Pergerakan Gaji Biasa pada 1 Januari 2003. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran C2**.

Pergerakan Gaji Lama Tidak Sama Dengan Tarikh Kuat Kuasa

12. Pemandu Lokomotif Rendah yang mana TPG asalnya pada 1 April, 1 Julai dan 1 Oktober hendaklah terlebih dahulu diberi pelarasan gaji kepada skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah mengikut kaedah pelarasan gaji seperti yang dinyatakan di perenggan 8(a) dan (b). Apabila keputusan PPSM tahun 2003 diumumkan, anggota berkenaan diberi Pergerakan Gaji Biasa pada 1 Januari 2003. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran C3**.

13. Pemandu Lokomotif yang mana TPG asalnya pada 1 April, 1 Julai dan 1 Oktober hendaklah terlebih dahulu diberi pelarasan gaji kepada skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah mengikut kaedah pelarasan gaji seperti yang dinyatakan di perenggan 8 (c). Apabila keputusan PPSM tahun 2003 diumumkan, anggota berkenaan diberi Pergerakan Gaji Biasa pada 1 Januari 2003. Contoh pelarasan gaji adalah seperti di **Lampiran C4**.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

14. Bagi melaksanakan skim perkhidmatan baru ini, Ketua Jabatan dan anggota yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:-

Ketua Jabatan

- (i) mengedarkan surat tawaran opsyen kepada anggota yang terlibat seperti contoh di **Lampiran B2**;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada anggota yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemaskini kenyataan perkhidmatan anggota yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan selepas urusan pertukaran pelantikan selesai;
- (iv) menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA untuk urusan pindaan jawatan Pemandu Lokomotif dan Pemandu Lokomotif Rendah ke jawatan Pemandu Lokomotif Sabah sewajarnya;
- (v) melaporkan kepada Bahagian Gaji dan Elaun, JPA mengenai implikasi kewangan yang terlibat dalam urusan ini dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran D**.

Anggota

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, anggota hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Sebarang opsyen yang dibuat adalah muktamad;

- (ii) membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai dari tarikh yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan.


TARIKH KUAT KUASA

15. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

PEMAKAIAN

16. Pekeliling Perkhidmatan ini khas diguna pakai untuk Perkhidmatan Keretapi Negeri Sabah sahaja.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

19 DISEMBER 2002

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah
Pengurus Besar Keretapi Negeri Sabah

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMANDU LOKOMOTIF SABAH**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA :

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred AA13	:	P1T1	RM 593.38	-	P1T21	RM1485.15
		P2T1	RM 621.21	-	P2T21	RM1560.17
		P3T1	RM650.25	-	P3T21	RM1638.82
Gred AA14	:	P1T1	RM 1032.61	-	P1T10	RM1485.15
		P2T1	RM 1116.10	-	P2T10	RM1638.82
				-		
Gred AA17	:	P1T1	RM 663.56	-	P1T24	RM1742.88
		P2T1	RM 705.91	-	P2T24	RM1839.68
		P3T1	RM 749.47	-	P3T24	RM1940.11
Gred AA18	:	P1T1	RM663.56	-	P1T24	RM1742.88
		P2T1	RM749.47	-	P2T24	RM1940.11
Gred AA22	:	P1T1	RM1388.35	-	P1T15	RM2293.43
		P2T1	RM1502.09	-	P2T15	RM2547.53
Gred AA36	:	P1T1	RM2203.89	-	P1T14	RM3614.75
		P2T1	RM2374.50	-	P2T14	RM4018.89

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(ii) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

(iii) tamat dengan jayanya kursus latihan pra-perkhidmatan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pemandu Keretapi Sabah;
(Gaji permulaan ialah pada Gred AA17: P1T7)

dan

(d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam dan Pekerja Rendah Awam Khas adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pemandu Lokomotif

Sabah Gred AA13, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) telah lulus latihan dan ujian pemanduan yang dikendalikan oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas PI Gred AA13, AA17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 4. Pemandu Lokomotif Sabah yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

- 5. Pemandu Lokomotif Sabah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

- 6. Pemandu Lokomotif Sabah dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

- 7. Pemandu Lokomotif Sabah yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

- 8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

- 9. Pemandu Lokomotif Sabah hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED AA18**

- 10. Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13/AA14 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA18 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED AA22**

- 11. Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA17/AA18 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA22 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED AA36**

12. Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA36 yang kosong apabila telah:-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua perkhidmat

LAMPIRAN B

SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KEPADA *PEMANDU LOKOMOTIF RENDAH /PEMANDU LOKOMOTIF KE PERKHIDMATAN PEMANDU LOKOMOTIF SABAH (BAGI ANGGOTA TETAP SAHAJA)

1. Selaras dengan keputusan Kerajaan mewujudkan skim perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah untuk pemakaian di Jabatan Keretapi Negeri Sabah maka dengan ini, tuan/puan diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah mengikut gred-gred yang setaraf atau akan kekal sebagai *Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11, A14 (Jumud)/Pemandu Lokomotif Gred A17, A22, A36 di bawah klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan. Opsyen ini adalah **muktamad**. **OPSYEN**
2. Tuan/puan diberi tempoh selama 30 hari untuk membuat pilihan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan dan tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan, atau membuat pilihan dengan bersyarat, atau gagal mengembalikan kertas opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**
3. Jika tuan/puan menerima tawaran pertukaran pelantikan ini, tuan/puan akan ditawarkan gred jawatan dan gaji yang setaraf atau tidak kurang baiknya dengan gred jawatan dan gaji sekarang. **JAWATAN DAN GAJI YANG DITAWARKAN**
4. Tuan/puan yang menerima tawaran pertukaran pelantikan ini akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. Gelaran jawatan tuan/puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT DAN PERATURAN PERKHIDMATAN BARU**
5. Tuan/Puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pertukaran pemberian opsyen ini akan diselaraskan gaji ke mata gaji tertinggi berhampiran dalam tanggagaji skim perkhidmatan Pemandu **GAJI DAN TARIKH PERGERAKAN GAJI**

Lokomotif Sabah. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/puan di jawatan baru akan berubah kepada satu TPG baru tahun berikutnya.

6. Jika tuan/puan telah disahkan dalam perkhidmatan sekarang, tuan/puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan dalam perkhidmatan baru tuan/puan ditukar lantik. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, Ketua Jabatan tuan/puan hendaklah memperakukan kepada Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk mengesahkan tuan/puan pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **ANGGOTA YANG TELAH DISAHKAN**
7. Tuan/puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan sekarang kerana belum menyempurnakan syarat serta tempoh percubaan yang ditetapkan dan ditukar lantik ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang baru, boleh menghabiskan baki tempoh percubaan tuan/puan, dengan syarat telah menjalani tempoh percubaan tidak kurang dari 1 tahun. **ANGGOTA YANG BELUM DISAHKAN**
8. Kekananan anggota gred A17/A22/A36 yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini adalah kekal dan bagi anggota gred A11/A14 kekananan dikira dari tarikh mula dilantik atau dinaikkan pangkat dalam perkhidmatan *Pemandu Lokomotif Sabah. **KEKANANAN**
9. Jika tuan/puan masih lagi dalam tempoh percubaan dan tuan/puan belum pernah membuat opsyen memilih skim KWSP, tuan/puan layak diberi opsyen memilih skim KWSP pada tarikh tuan/puan disahkan dalam jawatan. **OPSYEN SKIM KWSP**
10. Taraf berpencen yang telah diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. **TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**
11. Tuan/puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tuan/puan semasa dalam perkhidmatan sekarang ke dalam perkhidmatan yang baru mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. Pengumpulan cuti ini termasuklah bagi tujuan pemberian anugerah wang tunai. Tempoh perkhidmatan tuan/puan dalam **MEMBAWA BAKI CUTI REHAT**

perkhidmatan sekarang boleh diambil kira untuk menentukan jumlah cuti rehat yang tuan/puan layak dalam perkhidmatan baru.

12. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Jabatan. **PENEMPATAN**
13. Ketua Perkhidmatan tuan/puan tidak berubah dan kekal berada di bawah Ketua Perkhidmatan sekarang. **KETUA PERKHIDMATAN**
14. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini adalah tertakluk kepada peraturan perkhidmatan, pekeliling/surat pekeliling, panduan serta perintah atau peraturan lain yang dikeluarkan oleh agensi tempat tuan/puan ditukar lantik dan kerajaan dari semasa ke semasa. **MEMATUHI PERATURAN**
15. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ini dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan dengan syarat telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam perkhidmatan sekarang. **SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN**
16. Pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003. **TARIKH KUAT KUASA**
17. Tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan ke perkhidmatan baru sebagai Pemandu Lokomotif Sabah di bawah klasifikasi Pengangkutan adalah dengan ini adalah terputus hubungan dengan perkhidmatan sekarang kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman. **HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN LAMA**

* Potong mana yang tidak berkenaan.

(Nama Dan Alamat Pihak Berkuasa Melantik)

Tarikh :

Bil. :

Nama :

Alamat :

Melalui Ketua Jabatan :

Tuan/Puan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE PERKHIDMATAN PEMANDU LOKOMOTIF SABAH DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN, DI JABATAN KERETAPI NEGERI SABAH

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa tuan/puan ditawarkan pertukaran pelantikan ke perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan di Jabatan Keretapi Negeri Sabah mulai pada (tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan) mengikut syarat-syarat berikut:-

1. Tuan/puan akan diberi gaji P.T. RM atas gred gaji *AA13/AA14/AA17/AA22/AA36.
2. Tuan/puan akan tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran ini dan di **Lampiran 'B'**.
3. Tuan/puan diminta mengisi, menandatangani dan mengembalikan borang pilihan sendiri ini seperti di **Lampiran 'B2'** kepada Pihak Berkuasa Melantik tidak lewat dari

(Tandatangan)
Pihak Berkuasa Melantik

* Potong mana yang tidak berkenaan.

BORANG OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI
PEMBERIAN OPSYEN KE PERKHIDMATAN PEMANDU
LOKOMOTIF SABAH DI BAWAH KLASIFIKASI
PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN DI JABATAN
KERETAPI NEGERI SABAH**

Berhubung dengan surat tuan bil.
bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat
pilihan sendiri seperti berikut:-

- * (a) **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan dari perkhidmatan **Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11, A14/Pemandu Lokomotif Gred A17, A22, A36 di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan di Jabatan Keretapi Negeri Sabah (Nama Agensi) ke perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan di Jabatan Keretapi Negeri Sabah dengan menerima gaji P.T. sebanyak RM..... sebulan atas gred gaji AA13/AA14/AA17/AA22/AA36**.

* (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan dari perkhidmatan **Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11, A14/Pemandu Lokomotif Gred A17, A22, A36 di Jabatan Keretapi Negeri Sabah ke perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pengangkutan di Jabatan Keretapi Negeri Sabah dan dengan ini bersetuju kekal dalam perkhidmatan sekarang.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarih dan implikasi pilihan sendiri ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam perkhidmatan sekarang.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Di hadapan :

.....
SAKSI***
(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

-
- * Tandakan (4) dalam salah satu petak yang berkenaan.
 - ** Potong mana tidak berkenaan
 - *** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

LAMPIRAN C1

Kaedah Pelarasan Gaji Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11 (Jumud) Yang DiTukar Lantik kepada Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13 dan Diselaraskan Kepada Matagaji Baru Tertinggi Berhampiran Atas Gred AA13 Peringkat P1

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Januari

Tarikh	Gaji Sistem Saraan Malaysia Gred A11 (RM)	Gaji Baru Gred AA13 (RM)	Catatan
1.1.2002		-	Tarikh Pergerakan Gaji Asal SSB.
1.11.2002	1168.13 (P1T17)	-	Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Gaji P1T17 Gred A9(Jumud) SSB menjadi gaji P1T17 di gred gaji A11 Sistem Saraan Malaysia .
1.1. 2003	-	1218.95 (P1T16)	Tarikh tukar lantik ke skim perkhidmatan baru. Diselaraskan gaji kepada matagaji baru tertinggi berhampiran di P1 gred AA13
1.1.2003	-	1272.19 (P1T17)	Diselaraskan mengikut PGB apabila keputusan PPSM tahun 2003 diumumkan.
1.1.2004	-	1325.43 (P1T18-PGB) atau 1393.19 (P2T18-AG)	TPG baru. Pergerakan gaji mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

- PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia
- PGB - Pergerakan Gaji Biasa
- AG - Anjakan gaji
- TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN C2

**Kaedah Pelarasan Gaji Pemandu Lokomotif Gred A17 Yang Ditukar Lantik
Kepada Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA17 Diselaraskan Kepada Matagaji
Tertinggi Berhampiran Mengikut Peringkat (P) Gaji**

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Januari

Tarikh	Gaji Sistem Saraan Malaysia Gred A17 (RM)	Gaji Baru Gred AA17 (RM)	Catatan
1.1.2002	-	-	Tarikh Pergerakan Gaji Asal di bawah SSB
1.11.2002	1505.72 (P2T18)	-	Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia. Gaji di P2T18 Gred A7 SSB menjadi gaji P2T18 di Gred A17 SSM
1.1.2003		1561.38 (P2T19)	Tarikh tukar lantik ke skim perkhidmatan baru diselaraskan gaji ke matagaji baru tertinggi berhampiran di P2 Gred AA17
1.1.2003	-	1617.04 (P2T20)	Diselaraskan mengikut PGB apabila keputusan PPSM tahun 2003 diumumkan
1.1.2004	-	1672.70 (P2T21 – PGB) atau 1765.87 (P3T21-AG)	TPG baru pergerakan gaji mengikut keputusan PPSM

Catatan:

- PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia
- PGB - Pergerakan Gaji Biasa
- AG - Anjakan Gaji
- TPG - Tarikh Pergerakan Gaji

LAMPIRAN C3

Kaedah Pelarasan Gaji Pemandu Lokomotif Rendah Gred A11(jumud) Yang Ditukar Lantik Kepada Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA13 Diselaraskan Kepada Matagaji Tertinggi Berhampiran Atas Gred AA13 Peringkat (P)1

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 April

Tarikh	Gaji Sistem Saraan Malaysia Gred A11 (RM)	Gaji Baru SSM Gred AA13 (RM)	Catatan
1.4.2001	-	-	Tarikh Pergerakan Gaji asal di bawah SSB
1.10.2001	1228.63 (P2T17)	-	Pelaksanaan SSM. Gaji di P2T17 Gred A9 (Jumud) SSB menjadi gaji P2T7 di gred A11 Sistem Saraan Malaysia.
1.1.2003	-	1272.19 (P1T17)	Tarikh tukar lantik ke skim perkhidmatan baru. Diselaraskan gaji ke matagaji baru tertinggi berhampiran di P1 Gred AA13.
1.1.2003	-	1325.43 (P1T18)	Diselaraskan mengikut PGB apabila keputusan PPSM tahun 2003 diumumkan.
1.1.2004	-	1378.67 (P1T19-PGB) atau 1448.85 (P2T19-AG)	TPG baru. Pergerakan gaji mengikut keputusan PPSM

Catatan:

- PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia
- TPG - Tarikh Pergerakan Gaji
- PGB - Pergerakan Gaji Biasa
- AG - Anjakan Gaji

LAMPIRAN C4

**Kaedah Pelarasan Gaji Pemandu Lokomotif Gred A17 Yang Ditukar Lantik
Kepada Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA17 Diselaraskan Kepada Matagaji
Tertinggi Berhampiran Mengikut Peringkat (P) Gaji**

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Tarikh	Gaji Sistem Saraan Malaysia Gred A17 (RM)	Gaji Baru SSM Gred AA17 (RM)	Catatan
1.7.2001	-	-	Tarikh Pergerakan Gaji asal di bawah SSB
1.11.2002	1417.39 (P3T15)	-	Pelaksanaan SSM. Gaji di P3T15 Gred A7 SSB menjadi gaji P3T15 di Gred A17 SSM
1.1.2003	-	1475.47 (P3T16)	Tarikh tukar lantik ke skim perkhidmatan baru. Diselaraskan gaji ke matagaji baru tertinggi berhampiran di P1 Gred AA17
1.1.2003	-	1533.55 (P3T17)	Diselaraskan mengikut PGB apabila keputusan PPSM tahun 2003 diumumkan.
1.1.2004	-	1591.63 (P3T18-PGB) atau 1591.63 (P3T18-AG)	TPG baru. Pergerakan gaji mengikut keputusan PPSM

Catatan:

- PPSM - Panel Pembangunan Sumber Manusia
- TPG - Tarikh Pergerakan Gaji
- PGB - Pergerakan Gaji Biasa
- AG - Anjakan Gaji

KAJIAN IMPLIKASI KEWANGAN

PERKOHIDMATAN SKIM	PERKOHIDMATAN KLASIFIKASI	JENIS KEPUTUSAN	RUJUKAN SURAT, ARAHAN JABATAN PERKOHIDMATAN AWAM DAN TARIKH	TARIKH KUAT KUASA	GRED GAJI ASAL DAN TANGGAGAJI	SENARAI NAMA PEGAWAI YANG TERLIBAT	JUMLAH TUNGGAKAN PEGAWAI YANG TERLIBAT	JUMLAH TUNGGAKAN YANG DIBAYAR	MATA GAJI BARU	NOMBOR KAD PENGENALAN PEGAWAI
Pemandu Lokomotif Rendah	Pengangkutan (A)	Tukar lantik								
Pemandu Lokomotif	Pengangkutan (A)	Tukar lantik								

Nota: Jabatan hendaklah mengisi ruang kosong seperti berikut:-

(9) Jumlah tunggakan ialah perbezaan gaji yang dibayar sebelum dan selepas keputusan.

Catatan: Sila hantar balik lampiran ini kepada Cawangan Gaji, Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam, Blok C2, Aras 9, Parcel, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 PUTRAJAYA.

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pemandu Lokomotif Sabah
(b) Agensi : Jabatan Keretapi Negeri Sabah
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
(d) Klasifikasi : Perkhidmatan Pengangkutan

2. Jadual Gaji : Gaji Matriks

Gred AA17 : P1T1 RM648.56 – P1T23 RM1674.64
P2T1 RM690.91 – P2T23 RM1769.02
P3T1 RM734.47 – P3T23 RM1867.03

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) lulus Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(ii) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
(iii) tamat dengan jayanya kursus latihan pra-perkhidmatan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Kelayakan Pemandu Keretapi Sabah.

(Gaji permulaan ialah pada Gred AA17:P1T7;) dan

- (iv) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pemandu Lokomotif Sabah Gred AA17, adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi bidang tugas : Disediakan oleh ketua perkhidmatan

JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : AA13

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA13A00

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2003

JADUAL GAJI SSM : AA13

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21
P1	593.38	633.31	673.24	713.17	753.10	793.03	832.96	872.89	912.82	952.75	992.68	1032.61	1072.54	1112.47	1165.71	1218.95	1272.19	1325.43	1378.67	1431.91	1485.15
P2	621.21	662.35	703.49	744.63	785.77	826.91	868.05	909.19	950.33	991.47	1032.61	1073.75	1114.89	1170.55	1226.21	1281.87	1337.53	1393.19	1448.85	1504.51	1560.17
P3	650.25	692.60	734.95	777.30	819.65	862.00	904.35	946.70	989.05	1031.40	1073.75	1116.10	1174.18	1232.26	1290.34	1348.42	1406.50	1464.58	1522.66	1580.74	1638.82

**JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
SOKONGAN**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : AA14

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA14A00

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2003

JADUAL GAJI SSM : AA14

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21
P1	593.38	633.31	673.24	713.17	753.10	793.03	832.96	872.89	912.82	952.75	992.68	1032.61	1072.54	1112.47	1165.71	1218.95	1272.19	1325.43	1378.67	1431.91	1485.15
P2	650.25	692.60	734.95	777.30	819.65	862.00	904.35	946.70	989.05	1031.40	1073.75	1116.10	1174.18	1232.26	1290.34	1348.42	1406.50	1464.58	1522.66	1580.74	1638.82

JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : AA17

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : AA17A00

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2003

JADUAL GAJI SSM : AA17

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24
P1	663.56	704.70	745.84	786.98	828.12	869.26	910.40	951.54	992.68	1033.82	1074.96	1116.10	1157.24	1210.48	1263.72	1316.96	1370.20	1423.44	1476.68	1529.92	1583.16	1636.40	1689.64	1742.88
P2	705.91	748.26	790.61	832.96	875.31	917.66	960.01	1002.36	1044.71	1087.06	1129.41	1171.76	1227.42	1283.08	1338.74	1394.40	1450.06	1505.72	1561.38	1617.04	1672.70	1728.36	1784.02	1839.68
P3	749.47	793.03	836.59	880.15	923.71	967.27	1010.83	1054.39	1097.95	1141.51	1185.07	1243.15	1301.23	1359.31	1417.39	1475.47	1533.55	1591.63	1649.71	1707.79	1765.87	1823.95	1882.03	1940.11

JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

- I. GRED GAJI SSM : AA18
- II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : AA18A00
- III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2003

JADUAL GAJI SSM : AA18

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24
P1	663.56	704.70	745.84	786.98	828.12	869.26	910.40	951.54	992.68	1033.82	1074.96	1116.10	1157.24	1210.48	1263.72	1316.96	1370.20	1423.44	1476.68	1529.92	1583.16	1636.40	1689.64	1742.88
P2	749.47	793.03	836.59	880.15	923.71	967.27	1010.83	1054.39	1097.95	1141.51	1185.07	1243.15	1301.23	1359.31	1417.39	1475.47	1533.55	1591.63	1649.71	1707.79	1765.87	1823.95	1882.03	1940.11

JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSB : AA22

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA22A00

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2003

JADUAL GAJI SSM : AA22

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15
P1	1388.35	1441.59	1494.83	1548.07	1601.31	1654.55	1707.79	1761.03	1814.27	1894.13	1973.99	2053.85	2133.71	2213.57	2293.43
P2	1502.09	1560.17	1618.25	1676.33	1734.41	1792.49	1850.57	1937.69	2024.81	2111.93	2199.05	2286.17	2373.29	2460.41	2547.53

JADUAL GAJI BARU BAGI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSB : AA36

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: AA36A00

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2003

JADUAL GAJI SSM : AA36

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14
P1	2203.89	2283.75	2363.61	2443.47	2523.33	2603.19	2683.05	2816.15	2949.25	3082.35	3215.45	3348.55	3481.65	3614.75
P2	2374.50	2461.62	2548.74	2635.86	2722.98	2866.97	3010.96	3154.95	3298.94	3442.93	3586.92	3730.91	3874.90	4018.89